

U GB 24-06 00180 BA461

aab

Mahathir - Pernyataan
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

SANTIAGO, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan puas hati dengan hasil lawatan rasmi pertamanya ke Chile yang berakhir hari ini.

Satu pernyataan bersama Malaysia-Chile yang dikeluarkan sebelum Perdana Menteri berlepas dari sini ke Rio de Janeiro, Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Presiden Patricio Aylwin kerana sambutan meriah, persahabatan dan layanan mesra yang diberikan kepadanya dan anggota rombongannya.

Perdana Menteri, yang diiringi oleh isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa anggota Kabinet, Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Menteri Besar Perlis, Dr. Hamid Pawanteh, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan 70 orang peniaga, dijadualkan berlepas ke ibu negara Brazil itu pada 8 malam ini waktu Malaysia untuk peringkat kedua lawatannya ke Amerika Selatan yang turut ke Argentina.

Semasa berada di sini selama lima hari atas undangan Presiden Chile, Perdana Menteri telah berbincang dengan Presiden Aylwin mengenai hubungan dua hala dan isu-isu antarabangsa berkepentingan bersama. -- Lagi

♥24/06/16-59MST

U GB 24-06 00144 BA462

aab

Mahathir - Pernyataan 2 Santiago

Menurut pernyataan itu lagi, kedua-dua pemimpin bersependapat mengenai beberapa isu termasuk komitmen bersama berhubung dengan demokrasi.

Mereka melahirkan hasrat bersama untuk mempertingkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara, khususnya di bidang perdagangan.

Mereka juga mengenalpasti potensi besar yang sedia ada di negara masing-masing yang dapat mengeratkan hubungan ekonomi dan kerjasama termasuk pelaburan dan peranan yang dapat dimainkan dalam menggalakkan perdagangan serantau.

Pernyataan itu turut menyebut bahawa Perdana Menteri dan Presiden bersetuju untuk mengkaji bagi mengadakan hubungan terus udara dan laut antara kedua-dua negara bagi mempercepatkan perdagangan dan hubungan antara rakyat.

Kedua-dua pemimpin juga mengulangi komitmen mereka kepada sistem ekonomi terbuka.

Mereka bersetuju perlunya kedua-dua negara bekerjasama di peringkat antarabangsa bagi memastikan sistem ekonomi terbuka itu yang mereka rasakan penting untuk perkembangan ekonomi dunia. -- lagi

♥24/06/17-13MST

Mahathir - Pernyataan 3 Santiago

Menyedari pentingnya diwujudkan kerjasama antara negara-negara membangun, kedua-dua pemimpin berikrar untuk menyokong usaha-usaha ke arah kerjasama lebih erat Selatan-Selatan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negara-negara berkenaan.

Mengenai isu-isu antarabangsa, kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar pandangan yang berfaedah tentang perkembangan mutakhir di beberapa tempat di dunia.

Mereka bersependapat bahawa berikutan perubahan mendadak baru-baru ini, amat perlu pergerakan berkecuali bertindak berdasarkan kepada hakikat terbaru itu.

Mereka bersetuju bahawa kedua-dua negara perlu bekerjasama dalam pergerakan berkecuali itu bagi memastikan keberkesanannya dan bergerak selari dengan hakikat semasa.

Pernyataan itu juga menyebut bahawa kumpulan kebudayaan yang dibawa oleh Perdana Menteri telah mempersembahkan beberapa pertunjukan di sini dan di Valparaiso, kira-kira 130km dari sini.

Pertunjukan itu telah mendapat sambutan baik dan telah menyumbangkan kepada menggalakkan kebudayaan Malaysia di Chile.

Presiden Aylwin telah menerima undangan Perdana Menteri untuk melawat Malaysia pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. -- Bernama